



Ruj.kami: KPT(JPS) 100 -4/2 (2)
(Sila guna rujukan ini dalam urusan berkaitan)

Tarikh: - 7 FEB 2006

Semua Ketua Eksekutif
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Datin/ Profesor/Tuan/Puan,

**PERMOHONAN UNTUK MEREKRUT PELAJAR ANTARABANGSA KE INSTITUSI
PENDIDIKAN TINGGI SWASTA UNTUK DIPERAKUKAN KEPADA KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI (KHEDN)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa perakuan permohonan kepada Kementerian Hal Ehwat Dalam Negeri (KHEDN) bagi merekrut pelajar antarabangsa akan dikendalikan oleh Sektor Pengurusan IPTS dan tidak lagi oleh Bahagian Pemasaran dan Pendidikan Antarabangsa Kementerian Pengajian Tinggi sepertimana lazimnya. Oleh itu semua permohonan yang berkaitan dengan perekrutan pelajar antarabangsa hendaklah dipanjangkan ke Sektor Pengurusan IPTS seperti alamat berikut :

Timbalan Ketua Pengarah
Sektor Pengurusan IPTS,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia,
Aras 2, Blok E2, Parcel E, Persint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 Putrajaya
(U.P. Unit Ekspatriate dan Pelajar Antarabangsa)

3. Urusan-urusan lain berkenaan pengrekrutan pelajar antarabangsa yang masih lagi di bawah Bahagian Pemasaran dan Pendidikan Antarabangsa, Jabatan Pengurusan IPT, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia adalah seperti berikut :-


- Permohonan dari Institusi Pendidikan Tinggi Swasta untuk diperakukannya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi mendapatkan insentif potongan cukai
- Kelulusan khas daripada Kedutaan China untuk merekrut pelajar Cina
- Kebajikan pelajar antarabangsa
- Membuat pengakuan/pengesahan untuk IPTS mengambil bahagian dalam pameran di luar negara
- Pemantauan (Bersama dengan Bahagian Penguatkuasaan SP. IPTS)

4. Arahan di atas berkuatkuasa mulai 1 Februari 2006. Prosedur permohonan bagi merekrut pelajar antarabangsa masih lagi sama iaitu dengan mengemukakan borang RAB 01/pin.4 / 2002 dan dihantar ke alamat seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


[PROF. DR. MAHANI ZAINAL ABIDIN]
Timbalan Ketua Pengarah
Sektor Pengurusan IPTS
Jabatan Pengurusan IPT
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

s.k. Pengarah
Bahagian Pemasaran dan Pendidikan Antarabangsa,
Jabatan Pengurusan IPT,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.